

NATIONAL TECHNOLOGY & INNOVATION SANDBOX BAKAL PACU PEMULIHAN EKONOMI

NTIS: Fasiliti Setempat untuk para penyelidik, penganalisis, syarikat pemula menjalankan pengujian stres produk, perkhidmatan dan mekanisme ke arah pembangunan masa depan masyarakat

CYBERJAYA, 19 OGOS 2020 - Prospek Malaysia untuk menjadi ekonomi pesat membangun dan didorong oleh inovasi diperkukuhkan lagi dengan pelancaran National Technology & Innovation Sandbox (NTIS) pada hari ini yang disempurnakan oleh **Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd. Yassin** dan turut dihadiri **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Yang Berhormat Khairy Jamaluddin** sebagai Menteri yang menerajui inisiatif NTIS. Majlis diadakan di Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia (MaGIC), Cyberjaya.

NTIS adalah inisiatif utama yang diumumkan di bawah Pelan Pemulihan Ekonomi Jangka Pendek (PENJANA). Ia bertujuan memacu perjalanan Malaysia untuk menjadi negara berpendapatan tinggi dan berteknologi tinggi dengan meningkatkan pembangunan dan akses kepada teknologi canggih. Diterajui oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia (MaGIC) sebagai sekretariat utama, NTIS bertujuan mewujudkan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi, meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan Keluaran Negara Kasar (KNK) dan keterangkuman sosial serta meningkatkan penglibatan, pelaburan dan kolaborasi dalam penyelidikan oleh sektor swasta.

“Kita semua impikan Malaysia yang pesat, negara yang membangun dengan kehidupan berkualiti tinggi dan negara di mana setiap seorang daripada kita menjadi rakyat yang berjaya. Saya percaya visi ini boleh dipacu melalui teknologi. NTIS memberikan kita peluang untuk mentransformasi Malaysia kepada ekonomi yang didorong oleh inovasi, memastikan kita memupuk masyarakat yang amat aktif, berdaya tahan dan berdaya saing sementara menaikkan reputasi negara di serata dunia,” kata **Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd. Yassin**.

Tambah beliau, bagi mewujudkan ekonomi yang lebih baik untuk rakyat, ia memerlukan usaha bersama daripada semua lapisan masyarakat. “Memacu agenda inovasi negara terutamanya secara realiti dan pasca COVID-19 memerlukan penglibatan setiap rakyat Malaysia terdiri daripada kementerian dan agensi kerajaan sehinggalah kepada sektor swasta, ahli akademik dan syarikat pemula tempatan.”

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Yang Berhormat Khairy Jamaluddin berkata, rakyat akan mendapat manfaat menerusi pelaksanaan NTIS, selain ia dapat memacu inovasi Malaysia dan meningkatkan pembangunan bakat negara, “Inisiatif NTIS ini merupakan komitmen berterusan Kerajaan terhadap usaha R&D dan inovasi tempatan dengan membuka jaminan bahawa produk, teknologi dan perkhidmatan hasil R&D serta inovasi tempatan mempunyai tempat di pasaran terbuka dan mempunyai potensi pengkomersialan ini juga bermakna mewujudkan keadaan yang sesuai untuk pengusaha inovasi untuk berkembang maju dalam negara.”

Dana RM100 juta untuk memajukan Malaysia melalui teknologi canggih

Dana RM100 juta NTIS bertujuan untuk memacu pembangunan dan pengkomersialan projek teknologi canggih terutamanya yang berpotensi tinggi untuk meningkatkan sektor utama seperti penjagaan kesihatan, pembuatan, pertanian, pendidikan serta pelancongan dan pengembaraan.

Sementara itu, Dzuleira Abu Bakar, Ketua Pegawai Eksekutif Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia (MaGIC) memaklumkan, NTIS adalah pusat koordinasi penyelesaian kebangsaan yang menghubungkan cabaran terbesar negara dengan penyelesaian transformatif. Ini adalah inisiatif yang menggalakkan budaya inovasi dan kreativiti yang kukuh, dan kami ingin ia menjadi “tempat selamat” bagi para penginovasi Malaysia untuk menguji inovasi perintis mereka.

Kerajaan menasarakan untuk mengagihkan dana RM100 juta menjelang akhir tahun 2020, dan berharap untuk menerima 100 penyerahan permohonan dengan satu kohort baharu setiap bulan. Permohonan untuk NTIS telah dibuka sejak 15 Julai lalu dan sehingga kini sebanyak 658 permohonan telah diterima dan 94 permohonan lengkap telah diproses untuk kohort pertama.

Daripada peringkat permohonan awal, enam projek perintis telah dikenal pasti untuk memulakan NTIS termasuk:

1. Robot mudah alih yang ringan ditugaskan dalam sektor pertanian untuk meningkatkan kecekapan kerja dan mengurangkan bilangan pekerja yang diperlukan.
2. Alat bantuan pernafasan separa (*semi ventilator*) yang pertama untuk membantu pesakit yang mengalami kesukaran bernafas.
3. Robot untuk membantu proses pemulihan bagi pesakit strok atau kondisi perubatan lain dengan fungsi anggota terhad/terjejas.
4. Penyelesaian dron untuk mengautomasi penyembur racun perosak yang berketepatan tinggi, menjimat masa dan kos dalam sektor pertanian.
5. Robot linear pungut-dan-letak bagi kegunaan sektor pembuatan yang dapat mengurangkan bilangan pekerja yang diperlukan dan meningkatkan produktiviti, kecekapan dan kualiti penghasilan.

6. Robot penghantaran pertama buatan Malaysia di hospital untuk membantu petugas barisan hadapan penjagaan kesihatan untuk menyampaikan khidmat kepada pesakit COVID-19, mengurangkan potensi pendedahan kepada virus dengan mendadak.

Untuk memastikan kejayaan NTIS, proses pemilihan penyelesaian teknologi canggih yang berkaitan bagi inisiatif ini akan dipandu oleh 10 pernyataan masalah untuk mengatasi bahagian-bahagian seperti automasi dalam sektor pembuatan, pengujian barisan hadapan untuk COVID-19, dan isu pengeluaran dalam sektor pertanian.

Pemohon yang berjaya iaitu para penyelidik, penginovasi, syarikat pemula dan usahawan teknologi tinggi dengan penyelesaian inovatif tinggi – akan disokong oleh NTIS dalam pengujian stres produk, perkhidmatan, model dan mekanisme penyampaian mereka dalam persekitaran langsung dan selamat. Proses ini termasuk kelonggaran daripada semua keperluan kawal selia atau keperluan kawal selia yang terpilih bagi membantu pengusaha inovasi mempercepatkan laluan kepada pengkomersialan.

Untuk maklumat lanjut mengenai NTIS, projek perintis atau untuk menghantar permohonan, sila layari laman sesawang atau emel ntis.enquiries@sandbox.gov.my

MENGENAI NATIONAL TECHNOLOGY AND INNOVATION SANDBOX (NTIS)

NTIS adalah inisiatif untuk memacu Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi dan berteknologi tinggi melalui penyelesaian didorong oleh inovasi dengan menyediakan akses kepada dana, pemacuan pembangunan bakat serta mempercepatkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan pengkomersialan melalui polisi dan peraturan ringkas.

NTIS diterajui oleh MOSTI dan disokong oleh sekretariat yang akan melaksanakan koordinasi dan pelaksanaan projek-projek utama. Sekretariat ini merangkumi pelbagai agensi kerajaan melibatkan ekosistem inovasi negara termasuk MaGIC yang akan memimpin kumpulan dan bertindak sebagai depositori pusat untuk idea, penyelesaian dan harta intelek; MIMOS Berhad dan Technology Park Malaysia (TPM) yang akan mengenal pasti penyelesaian baharu, mengendalikan audit teknologi dan mempermudah pemprosesan pensijilan; Futurise Sdn Bhd yang akan melaksanakan pengawalseliaan komponen sandbox; serta Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC), rakan usahasama dana utama bagi sandbox.

Penubuhan NTIS akan merangsang syarikat pemula dan penginovasi tempatan untuk membangunkan penyelesaian inovasi dan mempercepatkan proses kawal selia melalui tapak uji sandbox, menyediakan asas kukuh untuk ekonomi mampan yang didorong oleh penyelesaian inovatif.

MENGENAI PUSAT INOVASI DAN KREATIVITI GLOBAL MALAYSIA (MaGIC)

MaGIC menemui dan memperkasakan syarikat pemula teknologi dan penginovasi sosial melalui penerimgunaan teknologi, inovasi dan kreativiti, serta membangunkan ekosistem keusahawanan yang mampan dan cemerlang di Malaysia. Sejak penubuhannya pada tahun 2014, MaGIC telah menyediakan komuniti syarikat pemula, pelabur dan pemain ekosistem dengan keupayaan untuk membangunkan program, peluang dana dan bantuan kawal selia yang memberi kesan terhadap lebih daripada 100,000 usahawan yang berinspirasi dan berpengalaman dengan nilai ciptaan keseluruhan sebanyak RM1.9 bilion.

Sebagai agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), MaGIC memudahkan, mengemudi dan membolehkan ekosistem dengan misi untuk mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara inovasi yang baru muncul. Untuk maklumat lanjut mengenai MaGIC, sila layari mymagic.my/en/.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi

Fazlyn Kamal, fazlyn@mymagic.my (+6012-3033646)

Syafieqa Satria, syafieqa@mymagic.my +(6017-395 1088)

Projek Perintis NTIS

Bil.	Tajuk Projek	Deskripsi Projek
1	Robotik: Teknologi Dron	Robot mudah alih yang ringan ditugaskan dalam sektor pertanian. Robot ini berupaya meningkatkan kecekapan kerja dan mengurangkan bilangan pekerja yang diperlukan di ladang.
2	Teknologi Termaju: Teknologi Perubatan	<p>Alat bantuan pernafasan separa (semi ventilator) pertama di Malaysia yang merupakan mesin automasi untuk membantu pesakit yang mengalami kesukaran bernafas.</p> <p>Ia menggantikan keperluan untuk menggunakan pelitup dengan injap atau "Bag Ambu", alat bantuan pernafasan secara manual dengan tangan.</p>
3	Robotik: Teknologi Perubatan	<p>Robot untuk membantu proses pemulihan bagi pesakit strok dengan fungsi dan keupayaan anggota terjejas (tahap atas pinggang) atau kondisi perubatan lain yang mengehendakan pergerakan anggota.</p> <p>Robot ini meningkatkan aktiviti untuk membina kualiti otot dan skop pergerakan sendi untuk membantu proses pemulihan. Ia juga akan membantu ahli fisioterapi dan doktor untuk menilai prestasi pesakit.</p>

4	Robotik: Pertanian	<p>Oryctes adalah inovasi teknologi dron yang bertujuan mentransformasi dan menambahbaik kehidupan para petani di Malaysia menggunakan dron untuk pendigitalan dan automasi.</p> <p>Sektor pertanian Malaysia mewakili 7% daripada KDNK nasional tetapi 2-3 kali terbelakang berbanding dengan Thailand & Vietnam dari segi kadar pertumbuhan. Sektor ini mengambil 11% tenaga kerja tempatan dan bergantung kepada tenaga asing. Di samping itu, purata pendapatan isi rumah petani di Malaysia adalah RM1,900, jauh lebih rendah daripada purata pendapatan isi rumah nasional.</p> <p>Penyelesaian kami adalah menggunakan dron untuk mengumpul maklumat, menganalisis data tanaman, kemudian mengambil tindakan melalui penyemburan racun perosak sasaran berkejituan tinggi untuk menambahbaik kehidupan dan keadaan kerja para petani.</p>
5	Robotik: Pembuatan	<p>Robot linear pungut-dan-letak bagi kegunaan dalam sektor perkilangan seperti kilang perabot di Muar, Johor. Robot ini berupaya untuk mengurangkan bilangan pekerja yang diperlukan, meningkatkan produktiviti, dan kecekapan serta kualiti kerja. Ia juga mengurangkan bahaya untuk pekerja kilang.</p>

6	Robotik: Teknologi Perubatan	<p>Robot MCK19 adalah robot penghantaran pertama buatan Malaysia di hospital untuk membantu petugas barisan hadapan penjagaan kesihatan untuk menyampaikan khidmat kepada pesakit COVID-19. MCK19 menggunakan Zalpha, robot komersial Forensik Digital (DF) yang boleh menampung berat sehingga 300 kilogram di atas raknya dan berupaya untuk mengemudi secara autonomi untuk membantu doktor atau jururawat dalam penghantaran makanan atau ubat ke bilik pesakit.</p> <p>MCK19 akan mengurangkan pendedahan petugas profesional penjagaan kesihatan dan barisan hadapan kepada pesakit di bawah penyiasatan yang mungkin amat mudah menjangkitkan penyakit dan perlu diasingkan. Ia juga boleh mengurangkan keperluan untuk kelengkapan pelindung diri (PPE) kerana hospital menghadapi kekurangan global.</p> <p>Robot ini boleh membantu banyak tugas untuk mengurangkan kehadiran manusia seperti untuk penghantaran, penyahjangkitan, pembersihan, pemantauan dan perkhidmatan.</p>
---	------------------------------	--